

Analisis Pandangan Fuqaha Terhadap Isu *Tadākhul* Dalam Ibadah Solat

Analysis Views of Jurists on the Tadākhul Issues in Solah

Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar¹, Saadan Man, Muhammad Ikhlas Rosele & Mohd Anuar Ramli
Universiti Malaya

Abstrak

Tadakhul merupakan himpunan dua perkara atau lebih yang dilaksanakan melalui satu perbuatan. Ia juga merupakan salah satu keringanan yang diberikan oleh Allah SWT kepada umat Islam dalam melaksanakan tuntutan syarak. Pensyariatan tadakhul juga membuktikan Islam sebuah agama yang mudah dan tidak membebankan umatnya. Justeru itu, artikel ini akan memfokuskan pengaplikasian prinsip ini dalam salah satu ibadah yang disyariatkan iaitu solat. Perbincangan ini akan meninjau mengenai prinsip tadakhul dalam niat dan juga isu-isu tadakhul yang berlaku dalam ibadah solat. Bagi mencapai objektif kajian, kajian akan dilakukan melalui metode komparatif dengan cara mengemukakan pandangan-pandangan fuqaha berhubung isu ini beserta hujah yang diguna pakai serta membandingkan antara pandangan tersebut. Kajian mendapati terdapat sebahagian jenis solat boleh dilaksanakan secara tadakhul dan ada tidak boleh dilaksanakan secara tadakhul. Begitu juga terdapat perkara yang diperselisihkan oleh para fuqaha.

Kata kunci : tadakhul, fuqaha, niat, ibadah, solat

Abstract

al-Tadakhul means the combination of two elements from the same type, with the insertion of one element into another, which is more dominant. It is one of the concession given by Allah in Islamic law. This article tends to discuss on the concept of al- Tadakhul in Islamic legal studies and its application in solah. This discussion will observe the principle of al- tadakhul in intention (niat) of worship and the issues of al- tadakhul in solah. To achive that stated objectives this study will analyze fuqaha's point of views on this issues and their arguments and propositions. This study found out that al-tadakhul can be applied in the certain cases of solah and the another cases al- tadakhul

¹ Corresponding Author : Syed Mohd Jeffri bin Syed Jaafar, Department of Fiqh Usul, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, email : syedjeffri89@gmail.com

can not be applied. Also in the certain issues of al-tadakhul in solah still in dissension between fuqaha'.

Keywords: tadakhul, fuqaha', intention, worship, solah.

PENGENALAN

Islam merupakan sesebuah agama syumul yang menghubungkan dan memelihara hubungan makhluk kepada penciptanya dan juga hubungan makhluk sesama makhluk. Hal ini boleh dilihat melalui pelbagai kewajipan yang telah disyariatkan Islam kepada umatnya yang bertujuan untuk menjaga hubungan tersebut. Solat merupakan salah satu ibadah daripada syariat yang telah diwajibkan kepada umat Islam bagi menjaga hubungan antara manusia dan penciptanya.

Solat dikategorikan kepada dua iaitu solat sunat dan wajib. Kewajipan solat khususnya solat lima waktu merupakan kewajipan yang pasti bagi setiap manusia yang bergelar mukallaf berbeza dengan solat sunat yang merupakan bonus daripada Allah SWT bagi mengeratkan lagi hubungan manusia dengan penciptanya. Bagi meraikan kemaslahatan manusia yang pelbagai, agama Islam telah meletakkan pelbagai kemudahan dalam mengerjakan ibadah ini. Antara contoh kemudahan ialah *jama'* dan *qasar* untuk solat fardu bagi mereka yang berada dalam *masyaqqah* yang tertentu.

Dalam kesibukan mengerjakan kewajipan seharian, *rukhsah* yang telah dikurniakan ini menunjukkan rahmat Allah SWT dan juga kemudahannya kepada manusia. *Tadakhul* merupakan satu lagi bonus yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada umat manusia di dalam melakukan sesuatu ibadah dan mencapai maksud sesuatu ibadah tersebut. Namun begitu ia bukanlah boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya terhadap semua ibadah yang disyariatkan. Justeru itu, dalam keterbatasan, kajian ini akan membincangkan mengenai *tadākhul* dalam ibadah solat. Ianya meliputi persoalan berkaitan dengan niat dan juga hukum menghimpunkan solat dalam satu perbuatan.

KONSEP TADĀKHUL

Dari segi bahasa, *al-tadākhul* merupakan perkataan daripada bahasa Arab iaitu تداخل, disebut dengan bacaan huruf *ta'* berbaris atas, dan huruf *kha'* berbaris depan. Secara etimologinya ia berasal daripada kata akar (دخل) ل د خ yang membawa erti masuk dan berlawanan dengannya ialah خرج yang bermaksud keluar. Kalimah تداخل dari segi bahasa dibina atas *wazan* تفاعل yang membawa erti saling, ia memenuhi maksud perkongsian antara dua perkara dan boleh juga dikatakan saling memasuki. Menurut Ibn Manzur (1999: 204), ungkapan الأمر تداخل memberi erti تشبهها (menyerupai), atau التباسها (memakaikan), atau memasukkan sesuatu ke dalam sesuatu yang lain

(Ibn Manzur 1999 : 204). Definisi terakhir merupakan yang paling tepat dan bersesuaian dengan perbincangan ini.

Manakala dari aspek terminologi, ulama telah mendefinisikan *tadakhul* dalam pelbagai pengertian, iaitu kesemua takrifan selari dengan bidang keilmuan mereka, sama ada berasaskan disiplin ilmu mantik, ilmu hisab, ilmu bahasa dan ilmu fiqh. Namun begitu dalam penulisan ini, pengkaji hanya menghuraikan definisi *tadākhul* menurut perspektif fuqaha.

Menurut al-Suyuti *al-tadākhul* adalah dihimpunkan dua perkara daripada jenis yang sama, dan tidak berbeza tujuannya, dimasukkan satu daripadanya kepada lain yang lebih besar (al-Suyuti 2009: 288). Pengertian ini sama dengan pentakrifan Ibn Nujaym (2005: 147) dalam kitabnya *al-Asybah wa al-Nazair*. Al-Jurjani pula mendefinisikan *al-tadakhul* sebagai memasukkan sesuatu ke dalam sesuatu yang lain tanpa penambahan dari segi isi padu dan kadarnya (al-Jurnani 1985: 54). Al-Qarrafi menghuraikan *tadakhul* boleh berlaku apabila terdapat beberapa sebab yang sama berlakunya sesuatu perbuatan itu (al-Qarrafi 1998: 54).

Ibn Rajab pula telah merumuskan *tadākhul* ialah apabila dihimpunkan dua ibadah dari jenis yang sama, pada waktu yang sama, bukan salah satu daripadanya perbuatan dilaksanakan secara *qada'*, dan juga bukan dengan cara perbuatan yang disusuli dengan sesuatu perbuatan yang lain pada masa yang sama, dilakukan kedua-dua perbuatan dengan sekali perbuatan sahaja (Ibn Rajab t:t : 142).

Rumusannya, *tadakhul* boleh difahami sebagai menghimpunkan dua hukum syarak dengan memadai melakukannya dengan satu perbuatan sahaja iaitu dengan cara memasukkan kepada hukum yang lebih besar dan mendapat pahala ganjaran dan fadilat kedua-dua amalan tersebut.

TADĀKHUL NIAT DALAM IBADAH

Niat merupakan perkara terpenting dalam menentukan sesuatu amalan sama ada amalan itu diterima ataupun ditolak. Setiap orang itu akan mengikut apa yang diniatkannya, sebagaimana Nabi SAW pernah bersabda:

إنما الأعمال بالنية، وإنما لكل امرئ ما نوى

Maksudnya: *Sesungguhnya setiap amalan dengan niat, dan setiap orang itu mengikut apa yang diniatkannya.*

(Riwayat Bukhari & Muslim)

Setiap orang akan mendapat mengikut apa yang diniatkannya itu, persoalan yang timbul, apakah perkaitan antara *tadakhul* dan niat, bagaimana pula niat berfungsi dalam perkara yang berlaku *tadakhul* dan apakah pula kesan niat keatas perkara tersebut. Jika dilihat kepada definisi *tadakhul*, ia merupakan himpunan dua perkara atau lebih yang dilaksanakan memadai dengan satu perbuatan sahaja, manakala niat bakal menentukan sesuatu amalan itu diterima atau ditolak, jelas ia mempunyai perkaitan yang rapat dari sudut perlaksanaan sesuatu perkara tersebut mahupun kesan kepada perkara tersebut.

HUBUNGAN NIAT *TADAKHUL* DARI SEGI HASIL AMALAN TERSEBUT.

Perkara yang perlu ditekankan di sini mengenai cara pelaksanaan *tadakhul* itu sendiri, sama ada *tadakhul* itu berlaku pada niat dan perbuatan amalan tersebut ataupun memadai dilaksanakan berlaku dengan cara *tadakhul* dari segi perbuatan sahaja, perbincangan mengenai perkara ini akan dipecahkan kepada tiga bahagian sebagaimana berikut:

Kesan Niat *Tadakhul* Antara Dua Ibadah

Sebahagian fuqaha seperti al-Nawawi dan Ibn Qudamah menyatakan tidak disyaratkan berniat bagi kedua-dua ibadah yang berlaku *tadakhul* padanya, bahkan tuntutan untuk melakukan perkara tersebut terhasil apabila dilakukan dengan satu perbuatan sahaja sekalipun tidak berniat untuk kedua-duanya (Ibn Qudamah 1997: 292, al-Kashlan 1999:160), tetapi sekiranya berniat untuk kedua-duanya perbuatan tersebut lebih sempurna (al-Kashlan 1999: 160). Sebagai contoh, apabila berlaku *tadakhul* antara dua perkara ibadah ataupun lebih, seperti berlaku *tadakhul* di antara wuduk dengan mandi junub, *tadakhul* antara solat *tahiyah al-masjid* dengan solat *rawatib* dan sebagainya, memadai dilakukan dengan sekali perbuatan dan berniat salah satu daripada kedua-duanya. Ini kerana tujuan amalan tersebut akan tercapai dengan apa yang dilakukan dengan perbuatannya sekalipun tidak berniat untuk kedua-dua amalan tersebut secara keseluruhannya, namun begitu sekiranya diniatkan kedua-dua amalan tersebut menjadi lebih sempurna.

Kesan *Tadakhul* Antara *Taysrik* Niat Ibadah dan Perkara Yang Harus

Mengikut pendapat jumhur fuqaha, apabila berlaku perkongsian niat dalam perkara ibadah dan juga perkara harus, seperti *tadakhul* antara wuduk ataupun mandi bertujuan untuk ibadah dan menyegarkan badan (Ibn Qudamah 1997: 159) dan juga seperti seseorang yang berpuasa bertujuan untuk menjaga kesihatan dan ibadah, tidak akan menghalang berlakunya *tadakhul* kepada perkara tersebut, bahkan akan mendapat kedua-duanya sepertimana yang diniatkannya (Ibn Qudamah 1997). Ini kerana jika seseorang berniat menyegarkan badan dan berubat bagi wuduk ataupun mandi, begitu juga

puasa tidak akan menjejaskan niat ibadah tersebut kerana sekalipun mereka tidak berniat untuk perkara tersebut, ia akan terhasil juga daripada ibadah yang mereka lakukan itu. Maka niat kedua-dua perkara harus tersebut tidak akan memberi kesan ataupun menafikan kepada niat ibadah (Ibn Qudamah 1997).

Niat Menafikan Sebahagian Yang Lain ke Atas Perkara Yang Berlaku Tadakhul

Sebahagian fuqaha berpendapat, hasil daripada *tadakhul* akan berlaku jika perkara yang berlaku *tadakhul* itu berkongsi niat atau berniat salah satu daripada keduanya tanpa menunjukkan penafian kepada yang lain (al-Nawawi, (t:t) :367. al-Mardawi 1995 :149), sekiranya terdapat penafian pada yang lain maka akan terhalang hasil *tadakhul* tersebut, dengan erti kata lain tidak berlaku *tadakhul* di antara perkara tersebut, sebagai contoh, seseorang yang melakukan secara berulang perkara yang menyebabkan hadas, dan beliau berwuduk dengan niat untuk melepaskan salah satu sebab perkara yang menyebabkan hadas tersebut, maka hukumnya adalah tidak sah dan tidak terangkat kewajipan wuduk kepadanya (al-Mardawi 199:149). Begitu juga seseorang yang masuk masjid dan terus menunaikan solat rawatib dengan niat menafikan solat *tahiyyah al-masjid*, maka beliau tidak mendapat solat *tahiyyah al-masjid*.

Hubungan Niat Tadakhul Dari Segi Ganjaran Pahala

Terdapat kaedah fiqh yang berkaitan dengan pahala ganjaran yang menyatakan :

لا ثواب إلا بالنية

Maksudnya: “Tiada pahala melainkan dengan niat”. (Ibn Nujaym 2005:14).

Apa yang boleh difahami disini, niat adalah pengukur kepada sesuatu amalan itu untuk mendapat pahala ataupun dosa. Persoalan yang timbul disini, sekiranya seseorang itu mengerjakan sesuatu amalan dengan satu perbuatan tetapi dengan niat yang banyak, sebagai contoh dalam konteks perbahasan iaitu melakukan amalan secara *tadakhul*, seperti seseorang yang berpuasa pada hari Arafah, dan dia berniat bersamanya puasa ganti atau nazar ataupun kafarah, adakah beliau akan mendapat fadilat kedua-dua puasa tersebut. Menurut pendapat fuqaha amalannya diterima dan mendapat kedua-dua amalan tersebut (al-Suyuti 2009 : 97). Amalan ini juga diqiyas kepada seseorang yang masuk masjid, yang sedang didirikan solat fardu secara jamaah, maka berlaku *tadakhul* di antara solat fardu dan solat *tahiyyah al-masjid* dengan mendapat fadilat kedua-dua amalan tersebut melalui satu perbuatan.

Jika dilihat, kesempurnaan niat akan mempengaruhi pahala yang diperoleh, dalam konteks perbahasan perkara yang berlaku *tadakhul* terdapat tiga kategori yang perlu diketengahkan sebagaimana berikut:

- i. Perkongsian niat antara perkara ibadah yang berlaku *tadakhul*
 Dalam hal ini, tidak berlaku masalah, menurut Ibn Rajab, kedua-dua amalan tersebut akan terhasil dengan niat kedua-duanya (Ibn Rajab t:t: 143), dengan erti kata lain akan mendapat pahala dan ganjaran bagi kedua-dua amalan tersebut.
- ii. Tidak berlaku perkongsian niat antara perkara yang berlaku *tadakhul*
 Seseorang yang melakukan amalan seperti ini, beliau akan mendapat pahala bagi apa yang diniatkannya sahaja, iaitu salah satu daripada amalan yang dikerjakannya mengikut apa yang diniatkannya, manakala dari segi tuntutan amalan tersebut, kedua-duanya tertunai melalui satu perbuatan (Ibn Rajab t:t).
- iii. Perkongsian niat di antara perkara ibadah dan perkara harus

Fuqaha telah berselisih pendapat dalam hal ini, menurut pendapat yang rajih, seseorang yang mengerjakan amalan secara *tadakhul* antara perkara ibadah dan perkara harus kemudian berlakunya perkongsian niat di antara keduanya akan mendapat pahala secara mutlak mengikut apa yang diniatkannya (al-Kashlan 1999 : 171 : 175). Ianya bertepatan dengan firman Allah SWT:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٢٤﴾ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ﴿٢٥﴾

Maksudnya: *Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah pun, nescaya akan dilihat (dalam surat amalnya). Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihat (dalam surat amalnya).*

Kesimpulannya, niat memainkan peranan yang sangat penting dalam sesuatu amalan dan setiap orang akan mengikut apa yang diniatkan, kita juga digalakkan memperbanyakkan niat dalam sesuatu amalan, sehinggakan Imam al-Ghazali pernah menyebut, perbanyakkan kamu berniat di dalam semua amalan kamu, sehinggakan kamu berniat dengan satu amalan dengan niat yang banyak (al-Ghazali 2003 : 226). Sebagaimana contoh, seseorang yang pergi ke masjid dengan niat yang banyak, kesemuanya untuk perkara *taqarrub* seperti beriktikaf, menziarahi rumah Allah SWT, untuk meninggalkan dosa yang dilakukan dan sebagainya, maka bagi mereka mendapat apa yang diniatkan mereka.

ANALISIS TERHADAP ISU *TADAKHUL* DALAM IBADAT SOLAT

Kajian ini akan memperlihatkan mengenai isu *tadakhul* yang berlaku sekitar permasalahan dalam ibadah solat.

Tadakhul Antara Solat-Solat Fardu

Ulama bersepakat solat yang difardukan ada lima, iaitu solat Zohor, Asar, Maghrib, Isyak, Subuh (Ibn Munzir 1999: 41). Sepanjang penelitian yang dilakukan tidak terdapat pendapat yang menyatakan boleh berlakunya *tadakhul* antara solat wajib. Menurut Ibn Nujaym tidak sah solat Zohor bersama solat Asar (*secara tadakhul*) secara *ittifaq*. Pendapat yang sama juga telah dinyatakan oleh al-Suyuti (2009: 98). Ini kerana kewajipan solat lima waktu merupakan satu kewajipan yang terikat pada zat solat itu sendiri dan wajib dikerjakan oleh setiap mukallaf yang cukup syarat. Walau bagaimanapun, terdapat keringanan lain pada solat lima waktu seperti solat secara jama' dan qasar bagi mereka yang memenuhi syarat-syaratnya. Justeru itu, kewajipan ini tidak boleh tidak semestinya dikerjakan dan ditentukan niatnya yang khusus pada zat solat tersebut dengan erti kata lain tidak boleh dilaksanakan secara *tadakhul*.

Solat Tahiyah Al-Masjid Dan Solat Fardu

Solat *tahiyah al-masjid* sememangnya disunatkan bagi sesiapa yang masuk ke masjid dalam keadaan bersuci berdasarkan sabda Nabi SAW:

إذا دخل أحدكم المسجد فلا يجلس حتى يصلي ركعتين

Maksudnya: “*apabila salah seorang dari kamu masuk masjid maka jangan duduk sehingga kamu solat dua rakaat*”

Menurut al-Nawawi (t:t : 544), telah berlaku ijma' di dalam perkara ini. Persoalan yang timbul, bolehkah solat *tahiyah al-masjid* dilakukan bersama solat fardu. Terdapat dua pandangan fuqaha dalam hal ini. Pendapat pertama mengatakan boleh, menurut Ibn Humam (2003:19), seseorang yang masuk masjid dan mendirikan solat fardu memadai mendapat fadilat *tahiyah al-masjid* kerana memuliakan masjid. Ibn Qasim menyatakan pandangannya :

“*Apabila seseorang berniat solat tahiyah al-masjid dan solat mutlak, ataupun rawatib, selain rawatib, fardu, nazar maka dia akan mendapat apa yang diniatkannya secara ijma', sekiranya dia tidak berniat tahiyah al-masjid, tuntutan melakukan solat tersebut terangkat dan mendapat fadilat apa yang diniatkan di samping mendapat tahiyah al-masjid.*” (Ibn Qasim 1397h: 252)

Mereka yang menyokong mengenai pandangan ini telah mengemukakan beberapa hujah iaitu:

- i. Menepati kaedah *tadakhul* apabila berhimpun dua perkara dari jenis yang sama dan mencapai *maqasid* kedua-duanya melalui satu perbuatan, memadai dilakukan dengan satu perbuatan sahaja. (al-Suyuti 2009 : 288).
- ii. Hukum yang lebih lemah memadai dilakukan dengan yang lebih kuat, maka solat fardu, nazar, *rawatib* dapat menutupi solat *tahiyah al-masjid* kerana sifatnya lebih lemah dari kesemuanya (al-Kashlan 1999: 363).
- iii. Solat *tahiyah al-masjid* bukan dari kategori solat yang «لذاته» ianya bertujuan untuk melarang seseorang yang duduk di masjid sebelum menunaikan solat (al-Nawawi t:t: 544).

Manakala pendapat kedua mengatakan tidak boleh berlaku *tadakhul* di antara solat *tahiyah al-masjid* dan solat fardu, pendapat ini telah dikemukakan oleh Ibn 'Abd Salam (t:t: 367), beliau menyatakan tidak ada *tadakhul* di antara solat. Pendapat ini juga telah dirajihkan oleh Ibn Abd Salam dengan menyatakan bahawasanya tidak boleh berlaku *tadakhul* antara solat *tahiyah al-masjid* dan solat fardu (Ibn Naji 1982: 190). Terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada pendapat ini:

- i. Nabi SAW memerintahkan dalam hadis sebelum ini dengan dua rakaat *tahiyah al-masjid*, menunjukkan ia tidak dapat ditunaikan dengan solat lain (Ibn Naji 1982 : 189).
- ii. Asas kepada sesuatu ibadah itu satu, tidak berdiri atas dua ibadah. (Ibn Naji 1982 : 190).

Menurut pengkaji, jika diteliti pendapat yang menyatakan diperbolehkan berlaku *tadakhul* antara solat *tahiyah al-masjid* dan solat fardu adalah lebih kuat berbanding daripada pendapat yang mengatakan tidak boleh berlaku *tadakhul* antara kedua-duanya. Dalam hal ini Ibn Naji telah menolak pandangan yang menyatakan Nabi SAW memerintahkan dalam hadis sebelum ini dengan dua rakaat *tahiyah al-masjid*, menunjukkan ianya tidak dapat ditunaikan dengan solat lain dengan hujah dalam hadis yang dinyatakan tidak disebut pengkhususan kepada solat *tahiyah al-masjid*, bahkan apa yang dimaksudkan adalah seseorang tidak boleh duduk di dalam masjid sehingga ditunaikan solat dua rakaat terlebih dahulu (Ibn Naji 1982: 190).

Manakala hujah yang menyatakan asas kepada sesuatu ibadah itu adalah satu tidak ditegakkan atas dua ibadah. Para fuqaha dalam membahaskan hal ini menyatakan apabila terdapatnya persamaan diantara dua ibadat, salah satu darinya menguatkan yang lain, maka ia akan menggantikan tempat untuk keduanya, diqiyaskan hal ini kepada seseorang yang berniat mandi junub menggantikan mandi Jumaat maka baginya mendapat kedua-dua fadilat mandi tersebut mengikut pendapat yang kuat (Ibn Naji 1982 : 189).

Menurut al-Qarrafi pula, solat *tahiyyah al-masjid* akan tercapai melalui solat fardu kerana sebab *tahiyyah al-masjid* dituntut apabila seseorang masuk masjid dan perlu solat bagi menghormatinya tidak dikhususkan kepada mana-mana solat, manakala solat fardu Zohor sebagai contoh disebabkan gelincir matahari. Maka memadai *tahiyyah al-masjid* akan dapat dicapai melalui solat fardu (al-Qarrafi 1998: 54).

Justeru itu, pendapat yang menyatakan boleh berlaku *tadakhul* antara solat fardu dan *tahiyyah al-masjid* memadai dilakukan dengan solat fardu sahaja merupakan pendapat yang lebih kuat dalam hal ini. Namun begitu ianya juga akan bergantung kepada niat seseorang dalam melakukan perkara tersebut tanpa menafikan yang lain.

Solat Sunat Hari Raya dan Jumaat

Fuqaha berselisih pendapat dalam menentukan kedudukan solat apabila berhimpunnya hari raya sama ada hari raya korban atau hari raya puasa pada hari Jumaat. Adakah akan berlaku *tadakhul* di antara solat hari raya dan Jumaat bagi mereka yang hadir salah satu daripadanya ataupun tidak boleh tidak mereka mesti pada kedua-duanya. Dalam membincangkan isu, fuqaha berselisih kepada dua pandangan.

Pandangan pertama menyatakan, apabila berhimpun hari raya dan hari Jumaat, maka akan berlaku *tadakhul* antara keduanya, digantikan dengan hadir salah satu daripada keduanya, dan gugur tuntutan fardu Jumaat beserta diwajibkan menunaikan solat zohor. Pendapat ini adalah pendapat mazhab Syafi'i bagi penduduk pedalaman (al-Nawawi 2003: 586). Manakala menurut mazhab Hanbali, dikecualikan imam daripada perkara tersebut, diwajibkan solat Jumaat ke atas imam. Pendapat ini juga mengikut pandangan sahabat seperti Saidina 'Umar, 'Uthman, 'Ali, Sa'id, Ibn 'Umar, Ibn 'Abbas dan Ibn Zubair juga dari tabi'in seperti al-Sya'bi, al-Nakha'i, al-Auza'i (Ibn Qudamah 1997: 156). Antara hujah yang diketengahkan oleh pandangan ini sebagaimana berikut:

a. **Hujah Naqli**

- Berdasarkan hadis Zaid bin Arqam RA bahawasanya Muawiyah bin Abu Sufyan telah bertanya kepada beliau:

هل شهدت مع رسول الله صلى الله عليه وسلم عيدين
اجتمعا في يوم واحد؟ قال: نعم، قال: كيف صنع؟ قال:
صلى العيد ثم رخص في الجمعة، فقال: من شاء أن يصلي
فليصل

Maksudnya: "Apakah engkau menyaksikan Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam menghadiri dua Hari Raya (hari Eid dan hari Jumaat) yang berkumpul dalam satu hari?" Dia menjawab: "Ya." Muawiyah bertanya: "Lalu apa yang baginda kerjakan?" Dia menjawab: "Baginda mengerjakan solat hari raya, kemudian baginda memberikan keringanan dalam hal (mengerjakan) solat Jumaat dan bersabda: "Barangsiapa yang ingin solat (Jumaat) maka hendaklah dia solat."

(Riwayat Imam Abu Dawud)

- Lagi berdasarkan hadis yang diriwayatkan dari Abu Hurairah RA bahawasanya Rasulullah SAW bersabda :

قد اجتمع في يومكم هذا عيدان، فمن شاء أجزأه من
الجمعة، وإنا مجمعون

Maksudnya: "Telah berkumpul pada hari kamu ini dua hari raya. Sesiapa (bersolat hari raya) dia telah menyempurnakan dari solat Jumaat dan sesungguhnya kita telah dikumpulkan".

(Riwayat Abu Dawud)

- Dan juga sebuah *athar* dari 'Uthman RA bahawasanya beliau telah berkhutbah pada hari raya dan Jumaat dengan mengizinkan umat Islam dari perkampungan 'Aliyah (sebuah kampung berdekatan Madinah) untuk tidak melaksanakan solat Jumaat (al-Qusyairi 2008 : 3976).

b. Hujah aqli

- Solat Jumaat ditambah dengan khutbah bagi menggantikan dengan Zohor, perkara yang sama boleh diambil ketika mendengar khutbah hari raya, maka gugur tuntutan untuk mendengarnya kali kedua kerana telah tercapai maksud untuk kedua-duanya (Ibn Qudamah 1997 : 242-243).
- Waktu solat hari raya dan Jumaat berlaku pada waktu yang sama, maka gugur tuntutan salah satu dari keduanya diqiyaskan kepada Jumaat dan Zohor (Ibn Qudamah 1997).
- Berdasarkan sabda Nabi SAW yang menyatakan “إنا مجمعون” menunjukkan tidak gugur tuntutan Jumaat bagi imam sekiranya terdapat jamaah yang ingin bersolat Jumaat. (Ibn Qudamah 1997)
- Sekiranya penduduk pedalaman keluar untuk bersolat hari raya, kemudian pulang, kemudian kembali untuk menunaikan solat Jumaat, maka ini akan menyukarkan mereka, justeru gugur tuntutan Jumaat disebabkan *masyaqqah* tersebut (al-Syirazi t:t : 259).

Pendapat kedua pula menyatakan, apabila berhimpunnya hari raya dan Jumaat dalam satu hari, maka kedua-duanya tidak boleh berlaku *tadakhul* dan mukalaf perlu mengerjakan mengikut kewajipan solat tersebut iaitu solat hari raya adalah sunat dilakukan manakala solat Jumaat hukumnya adalah wajib, tidak boleh digantikan antara satu sama lain. Pendapat ini dikemukakan oleh fuqaha Hanafiyah (Ibn Humam 2003 : 68-69), Malikiyyah (Ibn Rusyd 2003 : 321), satu pendapat dari Syafi’iyah (al-Nawawi 2003: 586) dan juga pendapat Ibn Hazm al-Zahiri (t:t : 89). Terdapat beberapa hujah yang dipegang bagi kelompok ini iaitu :

- Berdasarkan keumuman ayat al-Quran yang mewajibkan solat Jumaat tanpa pengecualian sama ada berlaku pada hari raya atau tidak. Firman Allah SWT :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: *Hai orang-orang beriman, apabila diseru untuk menunaikan solat Jumaat, Maka bersegeralah kamu kepada mengingat Allah dan tinggalkanlah jual beli yang demikian itu lebih baik bagimu jika kamu Mengetahui.*

Surah al-Jumuah (62): 9

- Solat Jumaat dan hari raya adalah wajib, maka tidak gugur salah satu daripada keduanya, diqiyaskan kepada solat Zohor dan hari raya (Ibn Qudamah 1997: 242).
- Solat Jumaat adalah fardu dan hari raya adalah sunat, sunat tidak mengururkan tuntutan solat fardu (Ibn Hazm t:t : 89).

Jika dilihat dalam hujah-hujah *naqli* sama ada hadis mahupun *athar* yang dikeluarkan oleh golongan pertama, kesemuanya merupakan dalil yang kuat dan sahih menunjukkan boleh berlaku *tadakhul* antara solat Jumaat dan hari raya dengan menggantikan salah satu daripadanya. Namun jika dilihat kepada *athar* Saidina 'Uthman bin Affan yang mengizinkan umat Islam dari perkampungan 'Aliyah (sebuah kampung berdekatan Madinah) untuk tidak melaksanakan solat Jumaat tidak menafikan kepada yang lain sebagaimana yang dijelaskan oleh hadis sebelum ini yang mengharuskan *tadakhul* solat Jumaat dan hari raya kepada semua.

Manakala pendapat yang menyatakan solat Jumaat ditambah dengan khutbah untuk menggantikan Zohor adalah sahih, perkara ini boleh juga didapati dengan solat hari raya, maka akan gugur tuntutan salah satu daripada keduanya dengan mencapai maksud keduanya dengan mengerjakan salah satu daripadanya. Pendapat yang menyatakan hujah diwajibkan kepada imam disebabkan lafaz "إنا مجمعون" di dalam hadis sebelum ini merupakan tuntutan secara pilihan bukannya wajib disebabkan Nabi SAW ketika itu memilih untuk menghadiri Jumaat.

Seterusnya pendapat mazhab Syafi'i yang mengatakan, ia rukhsah kepada mereka yang berada di pedalaman kerana *masyaaqqah*. Hujah ini tidak menjadi halangan, kerana pada asalnya solat Jumaat tidak diwajibkan kepada mereka yang tidak mendengar seruan azan (al-Syirazi t:t : 204) dan sudah pasti ianya berada di tempat yang jauh (pedalaman).

Bagi golongan kedua yang berhujah dengan keumuman ayat al-Quran mengenai kewajipan solat Jumaat secara umum, ia tidak menjadi perbincangan, menurut ilmu usul fiqh, sesuatu yang umum akan dikekalkan dengan sifatnya sehingga terdapat sesuatu dalil lain yang mengkhususkannya (Zaydan 2009 : 318). Dalam permasalahan ini, ayat tersebut telah dikhususkan dengan hadis sahih sebelum ini.

Pendapat yang menyatakan solat hari raya adalah wajib, dalam hal ini kajian cenderung kepada pendapat yang menyatakan semua solat adalah sunat melainkan solat lima waktu yang difardukan (al-Syirazi t:t : 98). Manakala pendapat yang menyatakan tidak boleh berlaku *tadakhul* antara solat sunat dan fardu merupakan perkara ijtihad akal semata-mata tiada nas yang

menguatkannya dan tiada ijhtihad bagi perkara yang terdapat nas yang *thabit* (Zaydan 2009 : 318).

Kesimpulannya, pendapat yang menyatakan boleh berlaku *tadakhul* antara solat Jumaat dan hari raya sekiranya berlaku pada hari Jumaat tanpa dikhususkan kepada mana-mana pihak sama ada diwajibkan kepada Imam mahupun digugurkan kepada penduduk pedalaman dilihat lebih kuat berasaskan hujah dari hadis sahih sebelum ini dan juga hujah yang menyatakan tujuan kedua solat tersebut dapat dicapai melalui salah satu daripadanya.

KESIMPULAN

Perbincangan konsep *tadakhul* dalam fiqh merupakan satu pendedahan baru dalam wacana ilmu fiqh. Walaupun konsep ini secara tidak langsung telah wujud dalam hukum fiqh secara asasnya, namun perbincangan mengenainya secara khusus didapati masih kurang. Artikel ini telah menjelaskan mengenai *tadakhul* dari sudut teoritikal dan melihat serta menganalisis isu-isu *tadakhul* yang terdapat dalam ibadah solat secara khusus, serta mengemukakan pandangan-pandangan fuqaha terhadap isu tersebut. Hasil analisis mendapati wujudnya isu-isu *tadakhul* di dalam ibadah solat. Para ulama fiqh juga didapati berbeza pandangan dalam isu-isu *tadakhul* dalam solat. Kesimpulan daripada analisis terhadap pandangan ulama' dalam isu-isu tersebut, didapati sebahagian perkara dalam ibadah solat boleh dilaksanakan secara *tadakhul* dan ada juga perkara yang tidak boleh dilaksanakan secara *tadakhul*. Begitu juga terdapat perkara yang masih diperselisihkan oleh para fuqaha.

RUJUKAN

- al- Qarrafi , Ahmad bin Idris (1998), *al-Furuq*, Bayrut : Dar Kutub 'Ilmiyah.
al- 'Aini, Mahmud bin Ahmad (1999), *al-Syarah Sunan Abi Dawud* , Riyad: Maktabah Rusyd.
Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad (2003), *al-Arba'in fi Usul al-Din* Damsyiq: Dar Qalam.
al-Jurjani, 'Ali Bin Muhammad Syarif (1985), *Kitab al-Ta'arif*, Bayrut: Maktabah Lubnan.
al-Kashlan, Khalid bin Sa'ad (1999), *al-Tadakhul baina al-Ahkam fi al-Fiqh al-Islami*, Saudi Arabia: Dar Isbiliya.
al-Mardawi , 'Ali bin Sulaiman (1995) , *al-Insaf* (t:t, t:p).
al-Nawawi (2003), *Rawdah al-Talibin*, Bayrut: Dar al-Kutub 'Ilmiah.
al-Nawawi (2003), *Rawdah al-Talibin*, Bayrut: Dar al-Kutub 'Ilmiah.
al-Nawawi (t:t), *al-Majmu' Syarah al-Muhadhab*, Jeddah: Maktabah al-Irsyad.

- al-Nawawi, Muhyi al-Din bin Syaraf (t:t) , *al-Majmu' Syarah al-Muhadhab*, Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- al-Qarrafi (1998), *al-Furuq*, Bayrut : Dar Kutub 'Ilmiyah.
- al-Qusyairi, Muslim bin Hajjaj (2008), *Sahih Muslim*, Lubnan : Dar Kutub 'Ilmiyyah. h.760, No.hadis 1907.
- al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd Rahman (2009), *al-Asybah wa al-Nazair*, Kaherah : Dar Salam.
- al-Syirazi, Abu Ishak Ibrahim (t:t), *Al-Muhadhab*, Kaherah: Dar Taufiqiyah.
- al-Zhahiri , Ibn Hazm(t:t), *al-Muhalla*, Mesir: Syari'.
- Ibn Abd Salam, al-'Izz al-Din (t:t), *al-Qawaid al-Ahkam fi al-Islah al-Anam*, Damsyiq: Dar Qalam.
- Ibn Hajar, Ahmad bin 'Ali (2007), *Fath al-Bari* Lubnan: Bait al-Afkar al-Dawliyah.
- Ibn Humam, Muhammad bin 'Abd al-Wahid (2003), *Fath al-Qadir*, Bayrut: Dar Kutub 'Ilmiyyah..
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram (1999), *Lisan al-'Arab*, Bayrut : Dar Ihya' Turath al-'Arabi.
- Ibn Munzir, Muhammd bin Ibrahim (1999), *al-Ijma'* ,Ajman: Maktabah al-Furqan.
- Ibn Naji, Qasim Bin 'Isa (1982), *Syarah al-Risalah*, t:t: Dar al-Fikr.
- Ibn Nujaym, Zayn al-Din Bin Ibrahim (2005), *al-Asybah wa al-Nazair*, Damsyiq : Dar Fikr.
- Ibn Qasim, Abd Rahman bin Muhammad (1397h), *al-Raud al-Marba'* t:t, t:p.
- Ibn Qudamah , 'Abdullah Bin Muhammad (1997), *al-Mughni*, Riyad: Dar 'Alim Kutub.
- Ibn Qudamah, (1997), *op.cit*, j. 3, h. 242. Ibn Rajab (t:t), *Taqrir al-Qawa'id wa Tahrir al-Fawa'id*, Dar Ibn 'Affan..
- Ibn Rajab, Zayn al-Din Abd Rahman bin Ahmad (t:t) , *Taqrir al-Qawa'id wa Tahrir al-Fawa'id*, Dar Ibn 'Affan
- Ibn Rusyd, Muhammad bin Ahmad (2003), *Bidayah al-Mujtahid Wa Nihayah al-Muqatasid*, (Bayrut : dar Kutub al-'Ilmiyah.
- Zaydan, 'Abd al-Karim (2009). *al-Wajiz fi Usul al-fiqh*, Damsyiq: Muassasah al-Risalah.